

Hujah kes Anwar 21 Jun

KUALA LUMPUR, 14 JUN 2000

Mahkamah Tinggi di sini hari ini, memerintahkan pembela dan pendakwa kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja mengemukakan hujah masing-masing pada 21 Jun ini.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas menganggap pembela sudah menutup kes pembelaan hari ini.

Katanya, beliau terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan pembela untuk menangguhkan perbicaraan sehingga rayuan mereka diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Ariffin berkata, beliau akan mendengar hujah berhubung Anwar dan Sukma Darmawan patut disabitkan atau dibebaskan daripada tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Bagaimanapun, katanya, jika pembela mempunyai saksi lagi untuk dipanggil, mahkamah bersedia mendengarnya pada 21 Jun ini.

Peguam bela Anwar, Christopher Fernando memberitahu mahkamah bahawa pembela ti-

da dapat menutup kes hari ini atas alasan rayuan berhubung kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela belum diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Katanya, pembela bergantung penuh dengan hasil rayuan itu sebelum memutuskan untuk menutup kes mereka.

Perbicaraan kes liwat masuk hari ke-108 hari ini dan Anwar serta Sukma Darmawan sudah memanggil 31 saksi untuk menyokong kes mereka.

Pada 5 Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Anwar dan Sukma Darmawan berhubung kehadiran Dr Mahathir sebagai saksi mereka.

Pada 21 April lalu, Ariffin memutuskan bahawa Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela.

Pada 18 Oktober lalu, Ariffin memerintahkan Anwar dan Sukma Darmawan membela diri selepas mendapati pendakwa berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah.

Anwar dan Sukma Darmawan memilih untuk memberiketerangan secara bersumpah dalam kandang saksi.

Pihak pendakwa yang diketuai Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, sebelum ini menutup kes mereka pada 20 Ogos lalu.

Mohtar memberitahu mahkamah bahawa pendakwa menawarkan 21 saksi kepada pembela, termasuk peguam bela Anwar, Karpal Singh yang dinamakan sebagai saksi ke-21 pendakwa.

Saksi yang ditawarkan kepada pembela ialah adalah Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Lim Yee Lan; Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustin; bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Zulkifli Abdul Rahman; Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Kong Hong Sun.

Asisten Superintendan (ASP) Mohd Rodwan Mohd Yusof; ASP Zulkifli Mohamed; ASP Mazlan Mansor; ASP Wan Ahmad Abas; Cif Inspektor A Rajagopal; Detektif Koperat Razib Mohamed Noh; Detektif Koperat Zaini Mat Piah.

Detektif Koperat Rozlan Yusof; Ahli Kimia Lim Kong Boon; Peguam Mohamed Noor Don; Ummi Hafida Ali; Dr Ristina Majid; Manjit Kaur; Alijah Che Lah; Lee Mon Swi dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd

Azmin Ali.

Sepanjang perbicaraan itu, pendakwa memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar; Hakim Mahkamah Sesyen, Abdul Karim Jalil; Senior Asisten Komisioner 1 Datuk Musa Hassan serta mangsa liwat kes itu, Azizan.

Sukma Darmawan, 39, yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September lalu kerana membenarkan Anwar meliwatnya, didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di unit nombor 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, Mei 1992.

Bagi kedua-dua tuduhan itu, Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.